

Pendidikan pemangkin kecemerlangan

NURUL FIRDAUS KHAIRI

TANJUNG SEPAT – Ibu bapa memainkan peranan penting dalam usaha mencorakkan pendidikan anak-anak supaya menjadi insan yang berguna.

Seorang pelajar, B Ashvinia, 18, berkata, sokongan ibu bapa memainkan peranan dalam usaha menjadi seorang insan yang cemerlang.

Dia mahu membuktikan kepada masyarakat bahawa sekiranya kita mahu berjaya, sokongan dan kerjasama semua pihak diperlukan dalam memberi semangat.

Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru, Chia Tee Tee berkata, beliau berharap anak-anak sekitar Tanjung Sepat dapat membuktikan kecemerlangan mereka.

Menurutnya, usaha ini perlu bagi memberi keyakinan kepada masyarakat bahawa mereka mampu menjadi cemerlang seterusnya menjadi harapan ibu bapa dan pihak sekolah untuk bersama aktif dalam bidang pendidikan.

"Dalam pada itu, sebagai wakil ibu bapa kita mahu mewujudkan jalinan hubungan kerjasama dalam kalangan ibu bapa, guru dan anak-anak setempat.

"Usaha ini perlu bagi menjamin sebuah masyarakat yang harmoni selain meningkatkan hubungan baik semua pihak untuk meningkatkan kecemerlangan mereka," katanya ketika ditemui pada sesi ramah mesra bersama empat pelajar cemerlang Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Sepat, semalam.

Tee berkata, beliau mahu semua bangsa di sekolah ini dapat memainkan peranan dalam meningkatkan pencapaian pendidikan mereka sekali gus menjadi sebuah masyarakat yang cemerlang.

Menurutnya, dalam pada itu, pencapaian ini bukan sahaja dapat mengembirakan ibu bapa tetapi membantu meningkatkan taraf hidup keluarga mereka.

Hadir sama Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Sepat, Soaidah Duriah.



● Soaidah (empat, kiri) melihat keputusan empat orang pelajar yang cemerlang dalam SPM sambil diperhatikan oleh Tee (dua, kanan)